

"Marilah kita maju dan membangun tanpa rasa curiga. Kita semua anak Malaysia," katanya.

Zuraida seterusnya mengajak semua pihak agar berpegang kepada realiti tersebut dan membebaskan jiwa dari belunggu sempit dalam naratif perkauman lapuk yang menjadikan pembelaan kaum sebagai alasan untuk kita saling mencurigai.

Pentadbiran kerajaan lalu yang mentadbir dengan bergayut pada dahan perkauman yang rapuh itu tambahannya, wajar dilempar jauh.

"Buang segala hipokrasi yang menyebut perpaduan di mulut tetapi daki perkauman masih menebal di dada.

"Jika kita tertanya-tanya mengapakan begitu payah kita mahu bersaing dengan negara tetangga dalam keadaan mereka yang dahulunya ketinggalan daripada kita, jawapannya ialah ketika mereka melonjak ke awan memeluk demokrasi tulin kita semakin tenggelam diberatkan oleh rantai perkauman," katanya. - UTUSAN ONLINE